



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM JEJAK HARMONI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA SEDUNIA TAHUN 2025

KUALA LUMPUR, 15 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) menganjurkan Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) Tahun 2025. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar, Kuala Lumpur.

Pelaksanaan program Jejak Harmoni ini melibatkan sesi kunjungan muhibah dengan berjalan kaki ke rumah-rumah ibadat bermula dari Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar dan berakhir di Gurdwara Sahib, Sentul.

Program Jejak Harmoni merupakan sebahagian daripada usaha di bawah Inisiatif Harmoni MADANI yang diadakan bertujuan bagi **meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi mengeratkan hubungan kebersamaan dan memperkukuhkan keharmonian negara**. Selain itu, melalui program ini masyarakat didorong untuk melihat dari sudut yang baik, dengan menekankan konsep asas integrasi nasional iaitu faham, hormat dan terima bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, **“program ini tidak melibatkan sebarang aktiviti keagamaan**, ianya diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap pelbagai anutan agama dan budaya yang perlu dihormati dan diterima. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif dan saling menghormati”.

“Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuhkan menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang mengalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama. KPN percaya bahawa dengan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju dan makmur”, tambah beliau.

Kerajaan MADANI melalui **KPN menyeru kepada masyarakat untuk sentiasa berhati-hati dalam menyampaikan pandangan dalam isu yang melibatkan sensitiviti agama.** Semua pihak harus memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa dalam kalangan penganut agama lain. Badan-badan pertubuhan agama diseru untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti - aktiviti berunsurkan keharmonian dengan menyebarkan mesej keharmonian dan nilai-nilai murni bagi menyokong kepada pencapaian matlamat Inisiatif Harmoni MADANI ini.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (7)